

Memorandum Pasar Besar TTDI diserahkan kepada PM

KUALA LUMPUR: Memorandum yang ditandatangani seramai 10,000 penduduk dan 250 peniaga Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail (TTDI) di sini, dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di pejabatnya di Putrajaya, Khamis lalu.

Ia diserahkan oleh sekumpulan penduduk, peniaga dan Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malayis (IKHLAS) yang diketuai Pengerusi Persatuan Kebajikan Penjaja Kecil Pasar Besar (PKPKPB) TTDI, Jenny Loo kepada seorang pegawai di pejabat Perdana Menteri.

Jenny berkata, pihaknya bertindak demikian supaya Perdana Menteri campur tangan menghalang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan pasar berkenaan dan menyelesaikan masalah terbabit segera tanpa menganiaya mana-mana pihak.

“Semua peniaga mahukan Perdana Menteri turun padang melihat kemudahan yang disediakan di pasar ini dan

mengekalkannya demi kepentingan rakyat.

“Projek yang dicadangkan DBKL iaitu kondominium dan MRT sememangnya dinantikan penduduk, tetapi pada masa sama kerajaan perlu mendengar suara hati rakyat yang mahukan pasar ini dikekalkan,” katanya kepada *Sentral*.

Beliau berkata, memorandum itu adalah bukti kukuh yang mana pembangunan yang dirancang kerajaan tidak diterima ramai, lebih-lebih lagi



Projek yang dicadangkan DBKL iaitu kondominium dan MRT sememangnya dinantikan penduduk, tetapi pada masa sama kerajaan perlu mendengar suara hati rakyat yang mahukan pasar ini dikekalkan



Jenny Loo

Pengerusi Persatuan Kebajikan Penjaja Kecil Pasar Besar (PKPKPB) TTDI

pasar itu penting kepada penduduk.

Sementara itu, Presiden IKHLAS, Mohd Ridzuan Abdullah, berkata pihaknya bersama PKPK-PBTTDI akan terus mendesak kerajaan supaya mengekalkan pasar yang menjadi tumpuan penduduk sejak 25 tahun lalu itu.

“Kami berharap Perdana Menteri segera meneliti memorandum yang dihantar itu dan menyampaikan khabar gembira kepada peniaga dan penduduk sekitar,” katanya.

Akhbar ini pada 4 Januari lalu melaporkan cadangan pembangunan semula Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail (TTDI) di sini, bukan saja dibantah peniaga, malah penduduk di kawasan sekitar kerana menjadi lokasi penting untuk mereka mendapatkan keperluan harian.

Mereka berharap keputusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan pasar besar itu dan memindahkannya ke lokasi lain dipertimbangkan semula.